

BAB II

KONSEP INSURANS SYARIAH (TAKAFUL) DAN AKAD MUDĀRABAH

2.1 Konsep Insurans Syariah (Takaful)

2.1.1 Pengertian Insurans Syariah

Kata asuransi lebih dikenal sebagai *ta'min* berbanding dengan takaful dalam konsep fiqh muamalah.¹ Meskipun demikian, penggunaan takaful merupakan pilihan dalam dunia bisnis keuangan syariah. Secara bahasa, takaful berasal dari bahasa Arab, yang kata dasarnya كفل - يكفل seperti dalam contoh كفل - وكفل فلان bererti mencukupi nafkah serta menguruskan dan memelihara.²

Kata takaful tidak dijumpai dalam al-Quran. Namun demikian, ada sejumlah ayat yang seakar kata dengan takaful. Seperti dalam Firman Allah

إِذْ تَمْشِي أُخْتُكَ فَتَقُولُ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ مَن يَكْفُلُهُ

Ertinya: (iaitu) ketika saudaramu yang perempuan berjalan, lalu ia Berkata kepada (keluarga Fir'aun): "Bolehkah saya menunjukkan kepadamu orang yang akan memeliharanya?"

Surah Ṭāhā (20): 40.

¹ Terdapat beberapa buku yang berbahasa arab menjelaskan konsep asuransi syariah dengan menggunakan istilah *al-ta'min*, seperti dalam penyebutan penanggung dengan istilah *al-mu'ammin* dan penyebutan tertanggung dengan istilah *al-mu'aman lahu*. Lihat : Abd al-Latif Mahmūd Afi Mahmūd (1994), *al-Ta'min al-ijtima'i fid daw al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Bairut: Dār an-nafais, hh.23-29.

² Ahmad Warson Munawir (t.t.), *Kamus Munawir*, Yogyakarta: Pustaka Progesif, h. 1311.

Takaful dapat juga diertikan menjamin. Seperti dalam Firman Allah

مَنْ يَشْفَعْ شَفْعَةً حَسَنَةً يَكُنْ لَهُ نَصِيبٌ مِّنْهَا وَمَنْ يَشْفَعْ شَفْعَةً سَيِّئَةً يَكُنْ لَهُ كِفْلٌ مِّنْهَا وَكَانَ اللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ مُّقِيتًا

Ertinya: Barang siapa yang memberikan syafaat yang baik, nescaya ia akan memperoleh bahagian (pahala) dari padanya. dan barang siapa memberi syafaat yang buruk, nescaya ia akan memikul bahagian (dosa) dari padanya. Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.

Surah An-Nisā' (4): 85.

Pengertian takaful dalam bahasa Arab bermakna saling jamin menjamin atau saling pelihara memelihara. Konsep ini mengandungi prinsip-prinsip kerjasama, saling tolong-menolong dan tanggung jawab bersama yang merupakan asas kepada sistem syarikat takaful.³ Takaful dalam pengertian ini lebih sesuai dengan Firman Allah dalam al-Quran,

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ...

Ertinya: Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran...

Surah al-Mā'idah (5): 2.

Muhammad Abū Zahrah, seorang ahli fiqh dalam kitabnya *al-Takāful al-Ijtīmā'ī fī al-Islām* (jaminan sosial dalam Islam) beliau menggunakan istilah takaful untuk menerangkan keadilan sosial untuk umat Islam. Ini digunakan untuk membezakan dengan konsep sosialism yang dikaitkan dengan Islam. Kemudian

³ Joni Tamkin Borhan (2008), "Prinsip Syari'ah dalam Perniagaan Takaful di Malaysia" dalam Asmak Abd Rahman et al, *Sistem takaful di Malaysia Isu-Isu Kontemporer*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, Universiti Malaya, h. 40.

takaful digunakan untuk merujuk pada akad dalam asuransi Islam kerana konsepnya bantu-membantu sesama muslim sehingga semua merasa diuntungkan tidak ada pihak yang merasa dirugikan.⁴

Definisi yang paling tepat dan mencakup tentang makna *al-takāful al-ijtimāʿī* adalah sabda Nabi SAW.

مَنْكُمُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَقَدُّرِهِمْ وَتَوَاحُّدِهِمْ وَتَعَطُّفِهِمْ مَكَالِ الْجَسَدِ إِذَا أَشْرَكَ مِنْهُ عَضْوٌ
نَحَايَ لَهَا سَائِئُ الْجَسَدِ بِلِسَرَةٍ وَالْحُمَى

Ertinya: Perumpamaan orang-orang mukmin dalam saling cinta mencintai, saling sayang menyayangi dan kasih mengasahi seumpama satu tubuh, apabila merasa sakit salah satu anggota terganggu seluruh tubuh dengan tidak tidur dan demam.⁵

Adapun pengertian yang lebih tepat dan mencakup tentang makna takaful ini dapat diperhatikan dalam isyarat Nabi SAW. tentang kedudukan seorang Muslim terhadap sesamanya. Sebagaimana dalam hadis:

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبَيْتِ بِيَدِ بَعْضِهِمْ بَعْضًا

Ertinya: Seorang mukmin dengan mukmin yang lain seperti satu bangunan yang saling menguatkan satu dengan yang lainnya.⁶

Mohd Fadzli Yusuf dalam bukunya Takaful Sistem Asuransi Islam mengatakan : Takaful adalah sistem asuransi secara Islam. Ia merupakan institusi kewangan yang bergerak mengikut landasan syariah dan mengandungi unsur-unsur saling bertanggungjawab, saling lindung melindungi dan bekerjasama di

⁴ Muhammad Abū Zahra (t.t.), *al-Takāful al-Ijtimāʿī fī al-Islām*, Kaherah: Dār al-Fikr al-ʿArabī, h. 59.

⁵ Imam Muslim (t.t.), *Ṣaḥīḥ Muslim*, “*Kitāb al-Birr wa al-Ṣillah wa al-Adab, Bāb Tarāḥim al-Muʾminīn wa Taʾatufihim wa Taʾādudihim*”, j. 2, no.6529 Beirut: Dār al-Maʿārif, h. 355. Hadis dari Zakaria dari al-Syaʿbi dari Nuʿman b. Basyir.

⁶ *Ibid.*, h. 355. Hadis dari Abī Bardah dari Abī Mūsā. No. 6528.

kalangan ahlinya. Justeru itu ia mementingkan niat ikhlas bagi membantu satu sama lain.⁷

Berdasarkan pengertian di atas maka takaful adalah perjanjian pertanggungan yang bertumpu pada konsep tolong-menolong dalam kebaikan dan ketakwaan yang dimaksudkan untuk melindungi para pelanggannya dari kerugian risiko yang diakibatkan oleh suatu peristiwa yang tidak tentu dengan menjadikan semua pelanggan sebagai keluarga besar yang saling menanggung satu sama lainnya.

Syarikat takaful ini termasuk insurans gotong-royong (*al-ta'mīn al-ta'āwunī*) dengan asas saling menguntungkan yang mengutamakan efektifiti dalam menghadapi pelbagai macam risiko secara bersama-sama dengan motif yang sama pula, serta bukan untuk mencari keuntungan dirinya sendiri, melainkan untuk membantu sesama pelanggan melalui kerja sama dengan pelanggan lain atau dengan syarikat takaful.⁸

Akad takaful di samping mengandungi akad *ta'mīn* sebagaimana pemahaman di atas, ia juga mengandungi akad *muḍārabah*, dimana caruman-caruman itu akan dilaburkan oleh syarikat dan keuntungan yang diperoleh melalui pelaburan akan dibahagikan berdasarkan kepada akad.⁹

Dengan demikian para pelanggan takaful pada waktu yang sama menjadi orang yang terlindungi dari kemalangan dan di sisi lain menjadi pelindung terhadap pelanggan yang lain dengan masing-masing membayar dana caruman berupa derma. Hubungan antara pelanggan dengan syarikat takaful yang berkaitan

⁷ Mohd Fadzli Yusof (1996), *Takaful Sistem Insurans Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn Bhd, hh. 4-13.

⁸ Warkum Sumitro (1996), *Azas-azas Perbankan dan Lembaga-lembaga Terkait (BMUI dan Takaful) di Indonesia*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 170.

⁹ Ahmad Hidayat Buang (1996), "Takaful: Akad Insurans atau Mudarabah ?", *Jurnal Syariah*, jil. 4, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, h. 147.

dengan pelaburan wang caruman ditegakkan atas dasar prinsip kerjasama perkongsian untung.

2.1.2 Prinsip Insurans Syariah (Takaful)

Prinsip utama dalam takaful adalah *ta'āwanū 'alā al-birr wa al-taqwā* (tolong menolong kamu sekalian dalam kebaikan dan takwa) dan *ta'mīn* (rasa aman). Dengan prinsip ini takaful telah menjadikan semua anggotanya menjadi keluarga besar, di mana satu dengan yang lainnya saling menjamin dan menanggung risiko. Derita yang dialami pelanggan akibat suatu musibah, seperti kemalangan, kehilangan dan kebakaran, akan dibantu oleh pelanggan takaful lainnya. Hal ini disebabkan kerana transaksi yang dibuat di dalam takaful adalah akad *takāfulī* (saling menanggung), bukan akad *tabādulī* (saling menukar) yang selama ini dijalankan oleh insurans konvensional, iaitu pertukaran antara wang caruman dengan wang pampasan.

Menurut Ahmad Azhar Basyir, takaful ditegakkan di atas tiga prinsip utama. *Pertama*, saling bertanggung jawab, yang bererti rasa tanggung jawab masyarakat terhadap warga yang lain. Pelanggan-pelanggan takaful memiliki rasa tanggung jawab bersama untuk membantu dan menolong pelanggan lain yang mengalami musibah atau kerugian.

Kedua, saling bekerja sama atau saling membantu, yang bererti di antara warga masyarakat yang satu dengan yang lainnya saling membantu dan memperingan penderitaan dan memenuhi perbagai keperluan. Di antara pelanggan takaful yang satu dengan lainnya saling bekerjasama dan saling menolong dalam mengatasi kesukaran yang dialami kerana sebab kewujudan musibah. Dengan prinsip ini, maka takaful telah menjalankan perintah Allah SWT dalam al-Quran

dan Rasulullah SAW dalam hadis tentang kewajiban hidup bersama dan saling menolong di antara sesama umat manusia.

Ketiga, saling melindungi penderitaan satu sama lain, yang berarti bahwa warga masyarakat yang satu menjadi pelindung bagi warga masyarakat yang lainnya dari gangguan keselamatan dan keamanan. Pelanggan-pelanggan takaful akan berperanan sebagai pelindung bagi pelanggan lain yang mengalami gangguan keselamatan berupa musibah yang dialami. Dengan begitu, maka takaful merealisasikan perintah Allah SWT dalam al-Quran dan Rasulullah SAW dalam as-Sunnah tentang kewajiban saling melindungi di antara sesama warga masyarakat.¹⁰

Karnaen A. Perwaatmadja menambah prinsip-prinsip selain daripada di atas. Prinsip-prinsip tersebut adalah prinsip menghindari unsur-unsur *gharar*, *maysir* dan *ribā*.¹¹

Dengan melihat kedua pendapat di atas, maka dapat diambil kesimpulan bahwa takaful itu berjalan di atas empat prinsip, yaitu: (1) saling bertanggung jawab; (2) saling bekerja sama atau saling membantu; (3) saling melindungi penderitaan satu sama lain; dan (4) menghindari unsur-unsur *gharar*, *maysir* dan *ribā*.

Dalam usaha mewujudkan asuransi yang terhindar dari unsur-unsur *gharar*, *maysir* dan *ribā*, terdapat beberapa pemecahannya. Unsur *gharar* dalam asuransi konvensional tercermin dalam bentuk akad dan sumber dana pampasan. Akad dalam asuransi konvensional dapat dikategorikan ke dalam akad *tabādulī* (pertukaran), yaitu pertukaran pembayaran caruman oleh pelanggan dengan wang

¹⁰ Ahmad Azhar Basyir (1996), "Takaful Sebagai Alternatif Asuransi Islam" dalam *Ulumul Qur'an*. Nomor 2/VII/1996, hh. 15-21.

¹¹ Karnaen A. Perwaatmadja (1996), *Membumikan Ekonomi Islam Di Indonesia*, Depok: Usaha Kami, hh. 232-235.

pampasan yang dibayarkan oleh syarikat insurans. Untuk menghindari akad seperti ini, maka dalam syarikat takaful digunakan akad *takāfulī*, di mana pelanggan insurans menjadi penolong dan penjamin satu sama lain.¹²

Selain adanya ketidakpastian (*gharar*) dalam bentuk akad, ketidakjelasan insurans konvensional juga terdapat dalam sumber dana pembayaran pampasan. pelanggan tidak mengetahui dari mana asal sumber dana pampasan yang diberikan oleh syarikat insurans. Pelanggan hanya tahu pembayaran pampasan akan diterima pelanggan jika ditimpa kemalangan. Sedangkan dalam takaful, pelanggan sejak awal telah diberi tahu dari mana asal dana pampasan yang akan diterimanya apabila mendapat kemalangan. Dana pembayaran pampasan dalam takaful itu diambil dari dana *tabarru'*, yang merupakan kumpulan dana sumbangan yang diberikan oleh pelanggan.¹³

Unsur kedua yang ditemukan dalam insurans konvensional adalah unsur *maysir* (perjudian). Unsur *maysir* dalam insurans konvensional ini tercermin dalam hal adanya pihak-pihak yang rugi dan ada pihak-pihak yang untung. Pelanggan insurans akan mengalami kerugian apabila pelanggan tersebut selama menjadi pelanggan tidak mengalami musibah atau kecelakaan. Ia dianggap rugi kerana wang pampasan hanya akan dibayar oleh syarikat insurans jika pelanggan mengalami musibah atau kecelakaan. Pelanggan yang tidak tertimpa musibah, tidak berhak mendapat apa-apa termasuk wang caruman yang telah dibayar.

¹²Latief Mukhtar, "Syarikat Asuransi Takaful", <http://www.takaful.com/whitepaper/whitepaper.html>, akses 8 Februari 2004.

¹³ Dana *tabarru'* atau tabungan *tabarru'* dalam asuransi takaful merupakan karakteristik yang dimilikinya. Sedangkan *tabarru'* adalah tabungan kebajikan yang disumbangkan pelanggan untuk membantu pelanggan lain yang tertimpa musibah. Tabungan *tabarru'* ini tidak akan kembali lagi kepada pelanggan yang bersangkutan apabila masa kontrak berakhir atau mengundurkan diri. A. Djazuli dan Yadi Janwari (2002), *Lembaga-lembaga Perekonomian Umat*, Jakarta: Rajawali Grafindo Persada, h. 124.

Hal ini berbeza dengan syarikat takaful, apabila pelanggan tidak mengalami musibah atau kecelakaan selama menjadi pelanggan, ia masih berhak mendapatkan wang dari perkongsian untung. Sedangkan kelebihan dana pampasan yang diterimanya hanya merupakan *tabarru'* atau kebaikan yang diberikan oleh pelanggan insurans yang lain.¹⁴

Adapun unsur yang terakhir yang diduga terkandung dalam insurans konvensional adalah unsur *ribā*. Unsur *ribā* ini terlihat dari pelaburan yang dibuat oleh syarikat insurans konvensional telah melaburkan wang caruman pelanggannya ke bank konvensional dengan menggunakan prinsip faedah. Sedangkan dalam syarikat takaful, dana yang terkumpul itu dilaburkan dengan prinsip perkongsian untung, terutama *muḍārabah*.¹⁵ Walau bagaimanapun, isu pelaburan ini adalah tidak begitu relevan dalam konteks perbincangan di sini.

Aspek *ribā* yang agak ketara adalah hakikat bahawa dalam insurans konvensional, *ribā* dari sudut kontrak jual beli kerana kontrak insurans melibatkan pertukaran kewangan dua hala iaitu bayaran caruman dari pemegang polisi dan bayaran pampasan oleh syarikat takaful. Oleh sebab barangan tukaran kontrak ini adalah wang dan wang merupakan barangan *ribāwī*, maka penukaran wang mestilah mengikut syarat penukaran emas dan perak iaitu mestilah pada kadar yang sama dan penyerahan *al-ma'qud 'alayh* mesti dilakukan masa yang sama.¹⁶

Memandangkan caruman dibayarkan biasanya berkala atau sekali semasa kontrak ditandatangani, manakala penyerahan pampasan pula dilaksanakan pada

¹⁴ *Ibid.*, h. 134.

¹⁵ Latief Mukhtar, "Syarikat Asuransi Takaful", <http://www.takaful.com/whitepaper/whitepaper.html>, akses 8 Februari 2004. Lihat juga Hendon Redzuan, Rubaya Yakob dan Muhammad Abdul Hamid (2005), *Risiko dan Insurans*, Selangor : Prentice Hall, h. 471.

¹⁶ Asmak Abd Rahman et al (2008), *Sistem takaful di Malaysia Isu-Isu Kontemporer*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, Universiti Malaya, h. 7.

suatu masa hadapan bergantung pada berlakunya peristiwa yang dilindungi, maka wujudnya lompangan masa antara kedua-duanya dan ini menyebabkan adanya unsur *ribā*. Begitu juga wujudnya unsur *ribā* kerana nilai bayaran caruman dan wang pampasan lazimnya tidak sama. Apabila jumlah wang berbeza, bertukar tangan antara pemegang polisi dan syarikat insurans sudah tentu kontrak insurans mengandungi *ribā*.¹⁷

2.2 Operasi Insurans Syariah Umum

Syarikat takaful merupakan alternatif bagi umat Islam untuk ikut serta dalam usaha insurans. Seperti ungkapan Ahmad Azhar Basyir bahawa falsafah takaful adalah penghayatan semangat saling bertanggung jawab, kerjasama dan perlindungan dalam kegiatan-kegiatan sosial menuju tercapainya kesejahteraan umat dan peraturan masyarakat.¹⁸ Operasisyarikat takaful pada hakikatnya boleh dilihat dalam keadaan di mana para pelanggan sendiri yang melakukan saling bertanggung jawab, bantu membantu dan melindungi.¹⁹

Syarikat takaful diberi kepercayaan oleh para pelanggan untuk mengembangkan dana dengan jalan halal, memberikan pampasan kepada yang mengalami musibah sesuai isi kata perjanjian dan sebagainya.

Keuntungan syarikat takaful diperoleh dari bahagian keuntungan dana yang dilaburkan dengan prinsip *muḍārabah* (perkongsian untung). Para pelanggan takaful berperanan sebagai pemilik modal (*sāhibul al-māl*) dan syarikat takaful yang berkedudukan sebagai yang menjalankan modal (*muḍārib*). Keuntungan yang diperoleh dari pengembangan dana itu dibahagi antara para pelanggan dan syarikat sesuai ketentuan yang telah disepakati.

¹⁷ *Ibid.*, h. 8.

¹⁸ Ahmad Azhar Basyir (1996), "Takaful Sebagai Alternatif Asuransi Islam", *Jurnal Ulumul Qur'an*, 2/VII/96, hh. 16-17.

¹⁹ *Ibid.*, h. 18.

Syarikat Takaful Umum memiliki pelanggan terdiri dari individu, yayasan dan syarikat. Perjanjian kerjasama antara syarikat takaful dan para pelanggan takaful berdasarkan prinsip *muḍārabah*. Namun amaun caruman bergantung kepada jenis takaful yang dipilih dan pembayaran caruman dilakukan di awal kontrak dibuat. Jangka waktu pertanggungan adalah satu tahun dan mesti diperbaharui jika kontrak dilanjutkan untuk tahun berikutnya. Caruman takaful dikumpulkan dalam satu kumpulan wang yang kemudian dilaburkan dalam usaha-usaha yang sejalan dengan syariah.

Keuntungan dari hasil pelaburan akan dikreditkan ke dalam kumpulan wang pelanggan. Jika terjadi musibah atas harta benda pelanggan yang dipertanggungjawabkan, maka syarikat takaful membayar ganti rugi atau pampasan kepada pelanggan tersebut dengan dana yang diambil dari kumpulan wang pelanggan takaful, biaya-biaya yang diperlukan oleh syarikat takaful juga diambil dari kumpulan wang pelanggan, dan jika masih terdapat kelebihan dana akan dibagikan kepada pelanggan dan syarikat menurut prinsip *muḍārabah*. Untuk itu takaful mendasarkan atas dua konsep, iaitu takaful (saling menanggung) di antara para pelanggannya, dan *muḍārabah* dari keuntungan yang diperoleh dari pelaburan dana caruman para pelanggan.²⁰

2.3 Konsep Akad *Muḍārabah*

2.3.1 Pengertian Akad *Muḍārabah*

Lafaz akad berasal daripada lafaz Arab iaitu *al-‘aqd* yang bererti perikatan, perjanjian dan kesepakatan. Secara terminologi fiqh, akad dimaknakan dengan

²⁰ *Ibid.*, h. 20.

perjanjian *ījāb* (pernyataan melakukan ikatan) dan *qabūl* (pernyataan menerima ikatan) sesuai dengan kehendak syariat yang berpengaruh pada objek perikatan.²¹

Makna daripada kalimat “sesuai dengan kehendak syariah” adalah bahawa seluruh perikatan yang dilakukan oleh kedua pihak tidak dikira sah apabila tidak selari dengan kehendak syariah. Misalnya kesempatan melakukan transaksi *ribā*, penipuan orang lain, dan judi. Sedangkan makna kalimat “berpengaruh pada subjek perikatan” adalah perjanjian perpindahan pemilikan dari satu pihak (yang melakukan *ījāb*) kepada yang lain (yang menyatakan *qabūl*).²²

Perkataan *muḍārabah* sering ditukar gantikan dengan perkataan-perkataan *al-qirāḍ* dan *al-muqāraḍah* yang mempunyai makna sama.²³ Dari segi bahasa, perkataan *muḍārabah* mempunyai pelbagai makna dan antaranya ialah berjalan dan berkelana.²⁴ Ia juga bermakna mengusahakan sesuatu. *al-Qirāḍ* dan *al-muqāraḍah* berasal dari kata *al-qarḍ* yang bermakna terputus kerana dalam kontrak ini harta itu terputus daripada tuannya dengan diletakkan di bawah pengurusan pengusaha (*al-muḍārib*).²⁵

Al-Muḍārabah dari segi istilah ialah satu jenis akad perkongsian untung yang mana modal (*ra's al-māl*) datang daripada satu pihak dan usaha (*al-ʿamal*) daripada pihak yang lain. Akad *muḍārabah* dikatakan satu jenis daripada jenis-jenis syarikat dalam perundangan Islam disebabkan kontrak ini berkongsi untung bukannya berkongsi modal.²⁶

²¹ Ibn Abidin (t.t.), *Radd al-Muhtar ʿalā ad-Dur al-Mukhtar*, Jil. 2, Mesir: Amriyah, h. 255.

²² Nasrun Harun (2000), *Fiqh Muamalah*, Jakarta: Gaya Media Pratama, h. 97.

²³ Perbezaan pemakaian istilah ini asalnya disebabkan oleh faktor geografi di mana istilah *al-qirāḍ* dan *al-muqāraḍah* dikatakan dari Semenanjung Tanah Arab terutamanya al-Hijaz, sementara istilah *al-muqāraḍah* pula untuk orang-orang Iraq. Sila lihat Abī al-Ḥasan ʿAlī b. Muḥammad b. Ḥabīb al-Mawardī (1989), *al-Muḍārabah*, al-Qahīrah: Dār al-Wafāʾ, hh. 117-118. Wahbah al-Zuhaylī (1997), *al-Fiqh al-Islām wa Adillatuh*, juz 5, Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 3923.

²⁴ Abī al-Ḥasan ʿAlī b. Muḥammad b. Ḥabīb al-Mawardī (1989), *al-Muḍārabah*, al-Qahīrah: Dār al-Wafāʾ, h. 118.

²⁵ *Ibid.*, h.119.

²⁶ Ibn ʿAbidin (t.t.), *op.cit.*, j. 5, h. 645.

Pendefinisian akad *muḍārabah* juga diperoleh daripada beberapa pendapat ulama mazhab. Mazhab Hanbali memberikan makna akad *muḍārabah* sebagai apabila seseorang menyerahkan modalnya kepada orang lain untuk diperniagakan dengan syarat bahawa hasil keuntungannya dibahagi antara kedua pihak (pemodal-pengusaha) berdasarkan peratus yang disetujui dan boleh menggunakan wang ketika menetap atau bermusafir dalam masa perniagaan, penggunaannya hanya kepada keperluan lazim dalam perniagaan dan penggunaannya tidak pembaziran.²⁷ Mazhab Syafi'i memberikan makna akad *muḍārabah* sebagai penyebaran modal dari seseorang kepada pengusaha untuk diperniagakan modal tadi dan keuntungan yang didapati dari pelaburan itu dibahagi-bahagikan antara kedua pihak.²⁸

Adapun rukun akad *muḍārabah* menurut kalangan mazhab Imam Hanafi ialah dan qabul. Lafaz yang dikatakan oleh pemodal (*sāhibul al-māl*) kepada pengusaha (*muḍārib*) yang menyatakan pemberian modalnya dan pengusaha (*muḍārib*) melafazkan penerimaan modal tersebut, maka sah sudah akad *muḍārabah*.²⁹ Adapun Imam Malik memberikan makna akad *muḍārabah* sebagai seseorang menyerahkan hartanya kepada orang lain untuk diperniagakan dan hasil daripada keuntungan tersebut dibahagikan mengikut syarat yang telah ditentukan.³⁰

Berpandukan pentafsiran di atas, maka akad *muḍārabah* boleh diertikan sebagai perjanjian yang melibatkan sekurang-kurangnya dua pihak iaitu pelabur

²⁷ Syam al-Dīn Abū al-Farj 'Abd al-Rahmān ibn Abū 'umar Muhammad ibn Ahmad ibn Qudāmah al-Maqdisi (t.t), al-Syarh al-Kabiri, j. 5. Mesir: Dār al-Kitāb al-'Arabīyyah, hh. 164-165. ; 'Abd al-Rahmān Jazīrī (1970), *Kitāb al-Fiqh 'alā Masdhāliḥ al-Arba'ah*, Kaherah: Maktab al-Tijāriyyah al-Kubra, h. 43.

²⁸ Syams al-Dīn Muḥammad b. Muḥammad al-Khatib al-Syarbinī (1958), *Mughnī al-Muhtaj*, Kaherah: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Muṣṭafā al-Babī al-Halabī wa Awladih, h. 309.

²⁹ Alā' al-Dīn Abī Bakr Ibn Mas'ūd al-Kāsanī (1998), *Badā'i al-Sanā'i fī al-Syarā'i*, j. 9. Qāhirah : Matba'ah al-Imām. h. 3588.

³⁰ Syams al-Dīn Muḥammad b. Muḥammad al-Khatib al-Syarbinī (1958), *op.cit.*, h. 313.

(*sāhibul al-māl*) dan pengusaha (*muḍārib*) mengikatkan diri dalam perjanjian ini, pelabur bersetuju untuk membiayai atau mengamanahkan wangnya kepada pengusaha yang akan menggunakan wang tersebut dalam usaha yang mahu dicari. Pengusaha berjanji akan memulangkan semula modal yang dikenakan berserta bahagian keuntungan berdasarkan nisbah tertentu. Nisbah keuntungan berdasarkan perjanjian yang dipersetujui pada awal kontrak dan tidak ada jaminan kepada pelabur bahawa pelaburannya itu memperoleh keuntungan. Sekiranya usaha yang dijalankan itu rugi dan kerugian itu di luar kawalan pengusaha, maka kerugian itu akan ditanggung oleh pelabur sedangkan pengusaha hanya akan mengalami kerugian dari segi masa dan kerja sahaja.³¹

2.3.2 Landasan Hukum Akad *Muḍārabah*

Semua ulama mazhab fiqh mengakui kesahihan akad *muḍārabah* dari sisi syariat tidak diragukan kerana dalil syariatnya terdapat dalam al-Quran, al-Hadis dan Ijmak. Al-Quran menyebutkan prinsip ini secara umum melalui firman Allah

وَأَخْرُونَ يُضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ ...

Ertinya: Yang lainnya berkelana berkelana di muka bumi Allah mencari rezeki dari limpah kurnia Allah...
Surah al-Muzzammil (73): 20.

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ ...

Ertinya: Tidak ada dosa bagimu untuk mencari karunia (rezki hasil perniagaan) dari Tuhanmu...
Surah al-Baqarah (2): 198.

³¹ Alā' al-Din Abī Bakr Ibn Mas'ūd al-Kāsanī (1998), *op.cit.*, h. 109.

Sejarah perniagaan orang-orang Arab telah membuktikan bahawa amalan *muḍārabah* berlaku sebelum kedatangan Islam lagi dan Rasulullah pernah mengamalkannya.³² Khadijah seorang saudagar kaya telah mengadakan *muḍārabah* dengan Nabi untuk membawa barang dagangan ke Syam bersama-sama dengan Maysarah.³³ Ibn Majah melaporkan daripada *Ṣuhayb* bahawa Rasulullah bersabda:

عَنْ صَالِحِ بْنِ صُهَيْبٍ عَنْ أَبِي قَلْبٍ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ
 صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : ثَلَاثٌ فِيهِنَّ الْبَرَكََةُ الْبَيْعُ
 إِلَى أَجَلٍ وَالْمَقَارَضُ ، وَارْخَاطُ الْبَيْتِ بِالْبَشِّ عَيْ، لِلْبَيْعِ،
 لَا لِلْبَيْعِ

Ertinya: Tiga golongan yang memperoleh berkat iaitu jual beli secara bertanggung, *muḍārabah* dan mencampurkan gandum dengan barli untuk kegunaan di rumah bukannya untuk dijual.³⁴

Dalam riwayat lain dikatakan al-‘Abbas b. ‘Abd al-Muṭṭalib apabila beliau menyerahkan modalnya secara *muḍārabah* kepada seseorang, beliau mengenakan syarat supaya tidak melalui laut, tidak singgah di mana-mana wadi dan jangan membeli binatang hidup, sekiranya dilakukan juga maka semua kos yang terlibat ditanggung oleh *muḍārib*. Syarat yang dikenakan ini telah dibawa kepada pengetahuan Rasulullah dan baginda meluluskan syarat-syarat tersebut.³⁵

Dari segi ijmak adalah didapati para sahabat mempraktikkannya sesama mereka. ‘Umar b. al-Khaṭṭāb dilaporkan pernah membuat akad *muḍārabah* bagi

³² Abu ‘Abd Allah Muhammad Ibn ‘Abd al-Baqi al-Zurqani (1936), *Syarh al-Zurqani ‘ala Muwatta’ al-Imam Malik*, j. 3, Kaherah: Matba‘ah Muṣṭafā Muhammad, h. 345.

³³ al-Syarbini (1958), *op.cit.*, j. 2, h. 309.

³⁴ Abu ‘Abd Allah b. Muhammad b. Yazid Ibn Majah (t.t.) *Sunan Ibn Majah*, j. 2, no. 2289, Tah.: Muhammad Fu‘ad ‘Abd al-Baqi, Kaherah: Matba‘ah Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, h. 768.

³⁵ Abu Bakr Ahmad b. al-Husayn b. ‘Ali al-Bayhaqi (1352 H), *al-Sunan al-Kubra*, j. 6, Hayderabad: Matba‘ah Majlis Da’irah al-Ma‘rifah al-‘Uthmaniyyah, h. 111.

pihak Baitul mal dan beliau sendiri membuat kontrak ini dengan Zayd b. Khālida.³⁶ ‘Uthmān b. ‘Affan juga dikatakan juga terlibat dengan amalan *muḍārabah* dan al-Qasim b. Muḥammad melaporkan bahawa mereka ada menyimpan wang (modal) dengan ‘Ā’isyah yang kemudiannya menyerahkan modal itu untuk diniagakan atas dasar *muḍārabah*. ‘Umar b. al-Khaṭṭāb pernah dilaporkan mengeluarkan simpanan anak yatim untuk diniagakan atas dasar *muḍārabah* supaya wang tersebut akan membiak. Sebenarnya bukan hanya ‘Umar b. al-Khaṭṭāb seorang sahaja melakukan perkara ini bahkan ia dilakukan oleh ramai sahabat, antaranya ‘Uthmān, ‘Alī b. Abī Ṭālib, ‘Abdullāh b. Mas‘ūd, ‘Abdullāh b. ‘Umar dan ‘Ā’isyah. Mereka semua tidak pernah mempertikaikan akad *muḍārabah* yang dilakukannya.³⁷

2.3.3 Rukun dan Syarat Akad *Muḍārabah*

Terdapat perbezaan pendapat dalam mazhab-mazhab fiqh dalam berkaitan dengan rukun *muḍārabah*. Jumhur ulama fiqh menyatakan rukun akad *muḍārabah* terdiri tiga hal.³⁸

1. Pernyataan untuk mengikat diri (*sighat al-‘aqd*), terdiri dari ijab dan kabul
2. Pihak-pihak yang berakad (*al-muta‘aqidān*), terdiri dari pemodal dan pengusaha.
3. Subjek akad (*al-ma‘qūd ‘alayh*), yang terdiri dari modal, kerja dan untung.

³⁶ Syams al-Din al-Sarakhsi (1979), *Kitab al-Mabsut*, j. 22, Beirut: Dar al-Ma‘arif, hh. 18-19.

³⁷ Alā’ al-Din Abī Bakr Ibn Mas‘ūd al-Kāsānī (1998), *op.cit.*, h. 3587.

³⁸ Wahbah al-Zuhayfī (1997), *op.cit.*, j. 4, h. 3928.

Ulama Hanafiyah berpendirian bahawa rukun akad itu hanya satu, iaitu *sighat al-‘aqd* (ijab dan kabul). Sedangkan pihak-pihak yang berakad dan subjek akad tidak termasuk dalam rukun akad, tetapi menjadi syarat-syarat akad ini kerana yang dikatakan rukun itu adalah suatu esensi yang berada dalam akad itu sendiri, sedangkan pihak-pihak yang berakad dan subjek akad berada di luar esensi akad.³⁹

Sighat al-‘aqd merupakan rukun akad yang terpenting, kerana melalui pernyataan inilah diketahui maksud setiap pihak yang melakukan akad. *Sighat al-‘aqd* ini diwujudkan melalui ijab dan kabul.

Dalam kaitannya ijab dan kabul ini, para ulama fiqh mensyaratkan beberapa hal.

1. Tujuan yang terkandung dalam pernyataan ini jelas, sehingga dapat difahami jenis akad yang dikehendaki, kerana akad-akad itu sendiri berada dalam sasaran dan hukumnya.
2. Antara ijab dan kabul terdapat kesesuaian.
3. Pernyataan ijab dan kabul itu mengacu pada suatu kehendak masing-masing pihak secara pasti, tidak ragu-ragu.

2.3.4 Jenis-jenis Akad *Muḍārabah*

Akad *muḍārabah* terbagi kepada dua jenis seperti berikut :

1. Mutlak (*al-muṭlaqah*), iaitu satu pihak menyerahkan modalnya kepada pihak lain tanpa mengenakan apa-apa sekatan atau syarat
2. Bersekat atau tidak mutlak (*al-muqayyadah*), iaitu satu pihak menyerahkan modalnya kepada pihak lain dengan mengenakan sekatan atau syarat tertentu.

³⁹ Alā’ al-Din Abī Bakr Ibn Mas’ūd al-Kāsanī (1998), *op.cit.*, j.5. h.109.

Bagi akad *muḍārabah* mutlak, perjanjian *muḍārabah* tidak menyatakan tempoh, tempat perniagaan, jenis-jenis perniagaan, industri atau perkhidmatan dan pembekalan. Sekiranya sekatan atau syarat dikenakan ke atas mana-mana perkara tersebut kontrak ini menjadi akad *muḍārabah muqayyadah*. Dalam hal ini pengusaha (*muḍārib*) mesti patuh kepada sekatan-sekatan yang dikenakan oleh tuan punya modal (*ṣāhib al-māl*). Apa-apa peristiwa buruk yang berlaku akibat ketidakpatuhan sekatan ini, akan ditanggung oleh *muḍārib* sendiri.⁴⁰

2.4 Kesimpulan

Pengertian takaful dalam muamalat bererti saling memikul risiko di antara pelanggan sehingga yang satu menjadi penanggung yang dilakukan atas dasar saling tolong-menolong dalam kebaikan dengan cara masing-masing mengeluarkan dana caruman yang didalamnya *tabarru'* bertujuan untuk menolong pelanggan yang tertimpa musibah.

Prinsip utama dalam takaful adalah saling bertanggung jawab, saling bekerjasama atau saling membantu, saling melindungi dari penderitaan yang bererti pelanggan yang satu menjadi pelindung yang lain, menghindari unsur gharar, maysir dan riba.

Akad *muḍārabah* merupakan perjanjian yang melibatkan sekurang-kurangnya dua pihak iaitu pelabur (*ṣāhib al-māl*) dan pengusaha (*muḍārib*) mengikatkan diri dalam perjanjian, pelabur bersetuju melaburkan wangnya kepada pengusaha yang akan menggunakan wang tersebut. Pengusaha berjanji akan membahagi keuntungan berdasarkan nisbah yang tertentu

⁴⁰ Wahbah al-Zuhayli (1997), *op.cit.*, j. 4, h. 840.

Semua ulama mazhab fiqh mengakui kesahihan akad *muḍārabah* kerana berdasarkan dalil al-Qur'an, al-Hadis, dan Ijmak. Jumhur ulama fiqh menyatakan rukun akad *muḍārabah* terdiri tiga hal pernyataan untuk mengikat diri (*sighat al-'aqd*) terdiri dari ijab dan kabul, pihak-pihak yang berakad (*al-muta'aqidān*) terdiri dari pemodal dan pengusaha, subjek akad (*al-ma'qūd 'alayh*) yang terdiri dari modal, kerja dan untung.